

SOALAN LAZIM (FAQ)



PROGRAM DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN (DPP) UKM

UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA

1. Apa itu program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP)?

Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP) ialah program kelayakan profesional yang direka untuk graduan bukan pendidikan yang ingin menjadi guru bertauliah. Program ini merupakan laluan bagi lepasan ijazah yang ingin memasuki bidang perguruan tanpa perlu mengambil ijazah sarjana muda pendidikan dari awal.

2. Apakah perbezaan program Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah (DPLI) dan Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP) UKM?

Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP) merupakan nama baharu bagi program Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah (DPLI) yang mengekalkan objektif dan struktur program yang sama dalam menyediakan graduan untuk menceburi profesion perguruan.

3. Apakah kelayakan untuk memohon program DPP UKM?

Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan memiliki Ijazah Sarjana Muda atau setara, dengan PNGK minima 2.50 daripada Universiti Awam (UA) atau Universiti Swasta (US) yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia,

atau

Ijazah Sarjana Muda Sarjana Muda atau setara, dengan sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan sekiranya tidak mencapai PNGK 2.50,

4. Adakah terdapat sebarang had umur untuk memohon program DPP UKM?

Tiada sebarang had umur minima atau maksima.

5. Berapa lama tempoh pengajian program DPP UKM?

Tempoh pengajian adalah selama 1 tahun 6 bulan (18 bulan).

6. Apakah mod pembelajaran program DPP UKM?

Mod pembelajaran adalah sepenuh masa dan dijalankan secara dalam talian dan bersemuka pada cuti persekolahan mengikut kalendar akademik Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

7. Berapa kali pengambilan program DPP UKM?

Pengambilan bagi setiap sesi akademik akan diadakan secara dua (2) sesi ambilan iaitu kemasukan pada bulan Mac dan September.

8. Berapakah kos pengajian program DPP UKM?

Tahun	Semester	Yuran Pengajian
1	1	RM 3,500.00
	2	RM 3,500.00
2	1	RM 3,200.00
Jumlah Keseluruhan		RM 10,200.00

9. Bilakah permohonan program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP) ditawarkan?

Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP) lazimnya ditawarkan pada sesi pengambilan bulan Mac dan September setiap tahun, tertakluk kepada pengesahan semasa oleh Fakulti Pendidikan, UKM.

10. Bagaimanakah cara untuk memohon?

Permohonan boleh dibuat melalui <https://join.ukm.my/>

11. Bagaimanakah cara untuk membuat bayaran permohonan?

Bayaran permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui perbankan internet atau kad kredit. Tatacara kewangan boleh dirujuk pada Peraturan Am Kewangan UKMShape melalui:

<https://www.ukm.my/ukmshape/kewangan-ukmshape/>

12. Adakah terdapat bantuan kewangan pelajaran untuk program DPP UKM?

Pelajar boleh membuat permohonan pinjaman/biasiswa/bantuan kewangan daripada institusi seperti Yayasan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Pusat Zakat Negeri dan institusi yang berkaitan. Pelajar juga boleh membuat pengeluaran akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pembayaran yuran.

13. Adakah yuran pengajian perlu dijelaskan secara keseluruhan mengikut semester?

Yuran pengajian perlu dibayar sekurang-kurangnya 40% daripada yuran semester dan baki perlu dilunaskan sebelum minggu ke-10 pengajian.

14. Sekiranya saya menarik diri sebelum pengajian bermula, adakah bayaran yuran akan dikembalikan?

Sekiranya pelajar menarik diri sebelum minggu pengajian, yuran komitmen RM 500.00 tidak akan dikembalikan dan sekiranya pelajar menarik diri selepas pendaftaran, tiada pemulangan yuran diberikan.

15. Apakah prospek kerjaya selepas tamat pengajian DPP UKM?

Graduan lepasan program DPP secara rasminya bertauliah untuk menceburi bidang perguruan dan menjadi warga pendidik di sekolah rendah dan menengah samada kerajaan ataupun swasta di seluruh Malaysia.

16. Sebagai pelajar Ijazah Sarjana Muda semester akhir yang bakal bergraduasi, adakah saya layak memohon program DPP UKM?

Tidak, hanya pelajar yang telah tamat pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja yang layak memohon.

17. Sekiranya saya telah tamat pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda namun belum bergraduasi, adakah saya layak memohon program DPP UKM?

Layak untuk memohon dengan mengemukakan dokumen pengesahan tamat pengajian dan transkrip akademik sementara.

18. Sekiranya terdapat perkara yang tidak dapat dielakkan semasa pengajian program DPP berlangsung yang memerlukan penangguhan pengajian, adakah penangguhan pengajian dibenarkan?

Penangguhan pengajian tidak digalakkan namun sekiranya terdapat keperluan mendesak, permohonan boleh dikemukakan kepada penyelarasan program DPP untuk pertimbangan selanjutnya.

19. Bagi semester pengajian secara bersemuka, di manakah lokasi pengajian berlangsung?

Semester pengajian secara bersemuka akan diadakan di UKM Bangi. Sebarang perubahan lokasi pengajian akan dimaklumkan.

20. Sepanjang semester pengajian secara bersemuka, adakah penginapan akan disediakan?

Penginapan sepanjang semester pengajian secara bersemuka ada disediakan namun pelajar perlu membuat permohonan penginapan dalam tempoh satu (1) bulan sebelum sesi pengajian berlangsung.

21. Adakah bayaran penginapan termasuk dalam yuran pengajian?

Tidak, bayaran penginapan tidak termasuk dalam yuran pengajian dan ditanggung sepenuhnya oleh pelajar.

22. Berapakah kadar sewaan penginapan yang perlu ditanggung sepanjang semester pengajian secara bersemuka?

Kadar sewaan penginapan di kolej kediaman UKM bermula serendah RM30.00/hari seorang bergantung kepada jenis bilik dan fasiliti penginapan yang tersedia. Sebarang maklumat lanjut berkenaan penginapan pelajar termasuk lokasi, jenis bilik dan kadar sewaan akan dimaklumkan melalui group aplikasi Telegram.

23. Adakah pengesahan daripada majikan diperlukan sekiranya saya sedang berkhidmat di sektor kerajaan/swasta?

Ya, pelajar perlu mendapatkan pengesahan daripada majikan.

24. Adakah penempatan bagi praktikum diuruskan oleh pihak UKM?

Bagi subjek GGGE5016: Praktikum (Latihan mengajar) pada semester 3 boleh dijalankan di sekolah masing-masing atau sekolah pilihan sendiri. Prosedur penempatan praktikum akan dijelaskan semasa taklimat program.

25. Adakah saya dibenarkan untuk mengajar subjek yang bukan berkaitan bidang ijazah atau pengalaman kerja semasa menjalani praktikum?

Dibenarkan dengan perbincangan bersama penyelar program DPP sebelum menjalani praktikum dan semasa kelas pengajaran *mikro/micro teaching*.

26. Bagaimanakah urusan penempatan selepas selesai pengajian DPP UKM?

Pelajar perlu membuat permohonan penempatan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), Majlis Amanah Rakyat (MARA) atau mana-mana badan dan organisasi berkaitan termasuk sekolah swasta dan antarabangsa.